# STRATEGI PEMELAJARAN BAHASA PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

*Zamri Mahamod*
*Mohamed Amin Embi*

**Abstrak**

Makalah ini memperihalkan kajian tentang perbandingan strategi pemelajaran bahasa (SPB) antara pelajar. Kajian kes yang menggunakan kaedah kualitatif ini dijalankan terhadap lapan pelajar. Empat pelajar cemerlang dan empat pelajar yang mewakili jantina pelajar dijadikan peserta kajian. Semua peserta kajian ialah pelajar Tingkatan 4 di sebuah sekolah menengah kebangsaan. Bagi mengetahui SPB yang digunakan, instrumen pemerhatian digunakan. Pemerhatian dilakukan di dalam kelas ketika pelajar belajar bahasa Melayu (BM). Setiap pelajar diperhati sebanyak tiga kali masa pemelajaran BM atau 120 minit pemelajaran. Aspek kemahiran yang diperhatikan ialah aspek kemahiran lisan dan penulisan. Setiap reaksi dan tingkah laku pelajar ketika mendengar, bertutur, membaca dan menulis diperhati dan direkodkan. Hasil kajian mendapati secara keseluruhan pelajar cemerlang lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan pelajar lemah. Pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan pelajar lelaki bagi kedua-dua kategori pelajar. Dari segi kemahiran, pelajar perempuan yang cemerlang dan yang lemah lebih banyak menggunakan SPB dalam kemahiran mendengar, membaca dan menulis, manakala pelajar lelaki yang cemerlang dan pelajar lelaki yang lemah lebih banyak menggunakan SPB dalam kemahiran bertutur sahaja.

*Abstract*

*This article describes the findings of a study on language learning strategies (LLS) employed by secondary school students. A comparison is made between strategies used by good and poor learners as well as strategies used by male and female students. A case study using a qualitative approach was used to find out the language learning strategies used by eight students. Four good learners and four poor learners representing both gender were chosen as subject for the study. The subject consist of Form Four students from a secondary school. An observation check list was used to find out LLS employed by the respondents while learning Bahasa Melayu in the classroom. Each subjects was observed for three periods each totaling 120 minutes of class time. The subjects were observed on their listening, speaking, reading dan writing skills. Their behaviour were observed and recorded using an observation protocol developed form a pilot study. There results show that good learners used more LLS than poor learners; whereas, female students used more LLS than male students. In term of language skills, good female students and poor female students used more LLS in listening, reading and writing than their counterpart; while, good male students and poor male students used more LLS in speaking than their counterpart.*

## PENDAHULUAN

Kesedaran tentang strategi pemelajaran kian mendapat tempat dalam kalangan pelajar (Siti Hawa, 1989). Pengetahuan tentang strategi belajar dapat membantu pelajar dalam memperoleh keputusan yang baik dalam peperiksaan. Dalam pendidikan bahasa Melayu, kemahiran menguasai pelbagai strategi pemelajaran bahasa (SPB) dapat membantu pelajar dalam mempelajari dan menguasai bahasa dengan baik. Kajian strategi pemelajaran bahasa dalam pendidikan bahasa Melayu melaporkan bahawa pelajar yang berjaya memperoleh keputusan yang baik banyak menggunakan pelbagai strategi (lihat Abu Talib, 1998; Mohd Nazali, 1999; Mohamed Amin, Zamri dan Mohd. Nazali, 2001; Zamri, Mohamed Amin, Noriah dan Juriah, 2002, 2003).

Strategi pemelajaran bahasa merupakan satu cara untuk membantu seseorang dalam kejayaan menguasai sesuatu pelajaran (Zamri *et al.*, 2003). Walau bagaimanapun, kajian berkaitan dengan SPB dalam mata pelajaran Bahasa Melayu masih kurang dijalankan. Mohd. Tajuddin (1996) menya-

takan bahawa kekurangan penyelidikan dalam bahasa Melayu boleh mendatangkan kesan yang sangat besar terhadap perkembangan bahasa Melayu.

Atas dasar inilah, kami menjalankan satu kajian kualitatif yang menggunakan instrumen pemerhatian bagi mengkaji bagaimana pelajar mempelajari Bahasa Melayu. Apakah Strategi Pemelajaran Bahasa yang digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah ketika mempelajari BM di dalam kelas dalam keempat-empat kemahiran bahasa? Dengan kajian yang terperinci, dapatlah diketahui dengan mendalam akan Strategi Pemelajaran Bahasa yang digunakan oleh pelajar ketika mempelajari bahasa Melayu di dalam kelas .

## PENYATAAN MASALAH

Kajian tentang pengajaran dan pemelajaran Bahasa Melayu lebih banyak tertumpu kepada kepentingan bahasa Melayu dalam pendidikan seperti kajian yang berkaitan dengan kemahiran lisan dan bukan lisan, tatabahasa, karangan, ejaan, sebutan, istilah, dialek, kosa kata dan sebagainya (Zamri dan Mohamed Amin, 2000, 2001). Dalam pendidikan bahasa Melayu, kajian dan penyelidikan yang mengkaji bagaimana seseorang berjaya dalam pemelajaran Bahasa Melayu masih kurang. Bilangan buku, tesis, makalah dan sebagainya yang membicarakan strategi pemelajaran seseorang yang berjaya dalam pemelajaran Bahasa Melayu masih kurang. Jika ada di pasaran atau kajian yang berkaitan, bilangannya amat sedikit. Mohd. Tajuddin (1996) telah menjelaskan bagaimana kekurangan penyelidikan dalam pendidikan Bahasa Melayu memberi kesan yang besar dalam perkembangan bahasa Melayu di Malaysia, khususnya dalam konteks pendidikan bahasa Melayu di sekolah.

Minat terhadap strategi belajar telah terbukti dalam pendidikan bahasa. Penyelidikan tentang strategi belajar yang diamalkan oleh pelajar di Barat sudah lama dijalankan. Walaupun kajian tentang Strategi Pemelajaran Bahasa lebih tertumpu kepada pemelajaran bahasa asing atau bahasa kedua, namun di Malaysia kajian dalam bidang yang sama masih berkurangan terutamanya dalam pendidikan bahasa Melayu (Zamri dan Mohamed Amin 2000, 2001; Zamri, Mohamed Amin dan Nik Mohd. Rahimi, 2001). Lantaran itu, ia telah mencetuskan minat dan kesedaran para penyelidik dan pendidik bahasa terhadap kepentingan strategi pemelajaran yang berkesan yang perlu dikuasai oleh pelajar (Zamri dan Mohamed Amin. 2000; Mohd. Nazali, Mohamed Amin dan Zamri, 1999; Mohamed Amin, Juriah dan Mohd. Isa 1999, Mohamed Amin, Zamri dan Mohd. Nazali, 1999, 2001).

Di Malaysia, kajian tentang kecemerlangan pelajar dalam pemelajaran bahasa banyak dijalankan. Namun, kajian tersebut adalah mengenai kecemerlangan pelajar dalam pemelajaran Bahasa Inggeris (lihat Mohamed Amin, 1996; Che Suriyati, 2000; Azlin Mazniwati, 2000, Faizahani, 2002). Sebaliknya, kajian yang sama kurang dijalankan dalam pendidikan Bahasa Melayu. Jika adapun, kajian hanya dijalankan pada peringkat sarjana dan sarjana muda Bahasa Melayu yang data mengenainya tidak begitu terperinci dan mendalam (lihat Abu Talib, 1998; Mohd. Nazali, 1999; Norzizah, 1999; Rahani, 1999; Yong Zaharah, 1999; Zuriyati, 1999; Supian, 2003). Kebanyakan kajian yang dijalankan oleh mereka juga bersifat kuantitatif dan tidak menggambarkan keseluruhan SPB dalam kalangan pelajar.

Selain itu, kajian yang mengkaji bagaimana pelajar yang berjaya mencapai keputusan cemerlang dalam bahasa Melayu perlu dijalankan. Kajian terdahulu tentang bahasa Melayu lebih tertumpu kepada kajian yang berkaitan dengan pengajaran dan pemelajaran Bahasa Melayu seperti kajian yang berkaitan dengan penulisan, lisan, ejaan, tatabahasa dan sebagainya. Beberapa kajian di Barat dan di Malaysia menunjukkan bahawa kecemerlangan pelajar dalam sesuatu peperiksaan turut dipengaruhi oleh keberkesanan strategi pemelajaran yang digunakan (lihat Dansereau, 1985; Weinstein dan Meyer, 1986; Mohamed Amin, 1996; Abu Talib, 1998; Mohd. Nazali, 1999; dan Muhammad, Noriah dan Abdul Razak, 1999).

Kajian tentang SPB dalam pendidikan BM yang tertumpu kepada kemahiran berbahasa seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis juga kurang dijalankan. Walaupun beberapa kajian seumpamanya telah dijalankan dalam bahasa Inggeris khususnya kajian bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau bahasa asing (lihat Oxford, 1990; Yang, 1995; Kang, 1997), tetapi dalam konteks pendidikan bahasa Melayu (sama ada sebagai bahasa pertama atau kedua) kajian begitu adalah sesuatu yang baru. Sebagai contoh, kajian Mohamed Amin, Juriah dan Mohd. Isa (1999) cuba mengkaji SPB dalam tiga bahasa, iaitu bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Mereka menggunakan soal selidik dan temu bual untuk mendapatkan data. Sampel kajian mereka hanya tertumpu kepada pelajar cemerlang dalam ketiga-tiga mata pelajaran tersebut. Justeru, perlulah dikaji bagaimana pelajar (sama ada pelajar cemerlang atau lemah) mempelajari Bahasa Melayu dalam semua kemahiran bahasa. Bagaimanakah pelajar cemerlang atau pelajar lemah mempelajari bahasa Melayu ketika di dalam kelas? Apakah Strategi Pemelajaran Bahasa yang digunakan oleh mereka dalam kesemua kemahiran bahasa itu ketika di dalam kelas? Apakah kemahiran bahasa yang banyak digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah ketika mempelajari Bahasa Melayu di dalam kelas? Adakah

terdapat persamaan atau perbezaan Strategi Pemelajaran Bahasa antara pelajar cemerlang dengan pelajar lemah bagi semua kemahiran bahasa tersebut.

Kejayaan atau kegagalan pelajar dalam pemelajaran jarang-jarang dikaitkan dengan strategi pemelajaran yang digunakan oleh pelajar berkenaan. Sebaliknya, kejayaan atau kegagalan mereka sering dikaitkan dengan faktor guru, keturunan, latar belakang pendidikan keluarga (ibu bapa), sekolah, tuisyen, motivasi dan berbagai-bagai lagi. Naiman, Frohlich, Stern dan Todesco (1978) menyatakan bahawa pemelajaran bahasa bukanlah semata-mata mencari teknik dan strategi yang betul, tetapi juga bergantung pada faktor lain seperti personaliti, motivasi dan sikap. Dengan kata lain, faktor yang dinyatakan oleh Naiman *et al.*, tersebut penting dalam menentukan kejayaan pelajar dalam pemelajaran bahasa. Kajian yang berkaitan dengan SPB dalam BM seperti kajian Abu Talib (1998), Mohd. Nazali (1999), Mohamed Amin, Zamri dan Mohd. Nazali (1999, 2001), Mohamed Amin, Mohd. Isa, Zamri dan Jamaludin (2002) mendapati bahawa antara punca kegagalan pelajar dalam pemelajaran Bahasa Melayu adalah disebabkan oleh ketidaksesuaian dan ketidaktepatan Strategi Pemelajaran Bahasa yang digunakan oleh pelajar.

Kajian yang dijalankan oleh Jarji *et al.*, (1992), Abu Talib (1998) dan Muhammad *et al.*, (1999) juga mendapati bahawa faktor jantina dan kaum juga mempengaruhi Strategi Pemelajaran Bahasa dalam kalangan pelajar. Mereka mendapati bahawa pelajar perempuan lebih banyak menggunakan strategi pemelajaran berbanding dengan pelajar lelaki. Oxford dan Crookall (1989) berpendapat bahawa salah satu bidang yang perlu diberi tumpuan dalam kajian tentang Strategi Pemelajaran Bahasa ialah perbezaan jantina. Menurut Ellis (1994), setakat ini terlalu sedikit perhatian yang telah diberikan terhadap faktor sosial seperti jantina, status sosioekonomi dan ras dalam kajian tentang Strategi Pemelajaran Bahasa. Oxford (1990) menegaskan bahawa kebanyakan kajian tentang Strategi Pemelajaran Bahasa gagal mengkaji perbezaan jantina atau memilih untuk mengabaikan faktor jantina. Kenyataan ini membuktikan bahawa faktor jantina merupakan faktor penyumbang kepada kewujudan kepelbagaian strategi pemelajaran.

Oleh itu, Strategi Pemelajaran Bahasa perlu dikuasai oleh setiap pelajar. Kegagalan pelajar dalam mengenal pasti Strategi Pemelajaran Bahasa yang sesuai dengan keupayaannya akan menimbulkan masalah kepada mereka dalam pemelajaran bahasa. Jika pelajar gagal menguasai BM dengan baik, maka kesannya adalah terhadap pendidikan bahasa Melayu (Mohamed Amin dan Abu Talib, 1997). Strategi Pemelajaran Bahasa yang sesuai dengan cara dan masa pelajar dalam menghadapi pelajaran akan membantu pelajar dalam mempelajari sesuatu dengan baik dan meningkatkan pencapaian

mereka dalam peperiksaan (Zamri *et al.*, 2002). Bahasa Melayu.

## TUJUAN KAJIAN

Di Malaysia, kajian tentang Strategi Pemelajaran Bahasa dalam kalangan pelajar sekolah menengah merupakan sesuatu yang baru. Oleh itu, satu kajian kes dengan menggunakan instrumen pemerhatian, temu bual dan diari belajar dibuat untuk:

- Mengenal pasti Strategi Pemelajaran Bahasa yang digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah untuk mempelajari Bahasa Melayu ketika di dalam kelas.
- Mengenal pasti Strategi Pemelajaran Bahasa yang digunakan oleh peserta kajian untuk mempelajari Bahasa Melayu ketika di dalam kelas berdasarkan jantina.
- Mengenal pasti Strategi Pemelajaran Bahasa yang digunakan oleh peserta kajian ketika mempelajari Bahasa Melayu di dalam kelas berdasarkan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

## PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan tujuan kajian yang dibincangkan, kajian ini cuba menjawab beberapa persoalan berikut:

- Apakah Strategi Pemelajaran Bahasa yang digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah untuk mempelajari Bahasa Melayu di dalam kelas?
- Apakah Strategi Pemelajaran Bahasa yang digunakan oleh peserta kajian ketika mempelajari Bahasa Melayu di dalam kelas berdasarkan jantina?
- Apakah Strategi Pemelajaran Bahasa yang digunakan oleh peserta kajian untuk mempelajari Bahasa Melayu dalam kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis di dalam kelas?

## KERANGKA KONSEP KAJIAN

Kajian kes ini dijalankan berdasarkan model kerangka konsep kajian mengikut Strategi Pemelajaran Bahasa yang digunakan oleh peserta kajian ketika mempelajari Bahasa Melayu di dalam kelas dalam kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis




**Rajah 1** Kerangka konsep kajian SPB secara keseluruhan.

Rajah 1 menerangkan kerangka konsep Strategi Pemelajaran Bahasa yang dijalankan secara keseluruhan. Faktor perbezaan akademik dan jantina dapat mempengaruhi Strategi Pemelajaran Bahasa yang digunakan oleh peserta kajian. Setiap peserta kajian sama ada pelajar cemerlang ataupun pelajar lemah dikaji akan Strategi Pemelajaran Bahasa yang digunakan oleh mereka ketika belajar bahasa Melayu di dalam kelas, dalam kemahiran bertutur, membaca dan menulis. Untuk melihat perbezaan dari segi pencapaian dan jantina peserta kajian, kaedah pengumpulan data dengan menggunakan instrumen pemerhatian digunakan.

## METODOLOGI

Kajian ini lebih bersifat kualitatif. Pengumpulan data dibuat dengan menggunakan instrumen pemerhatian, temu bual berstruktur dan penulisan diari belajar. Setiap peserta kajian diperhatikan, ditemu bual dan diminta

menulis diari belajar sepanjang tempoh kajian. Data secara kualitatif ini dapat menghurai dan menjelaskannya dengan terperinci dan mendalam (Marshall dan Rossman, 1989). Pendekatan ini secara langsung dapat memantapkan hasil penyelidikan dan kemampuan dalam penerokaan sebarang persoalan penyelidikan bagi menghasilkan huraian dan penjelasan yang lebih tepat (Marshall dan Rossman, 1989; Creswell, 1994).

Kajian kes ini dijalankan di sebuah sekolah menengah kebangsaan (SMK). Pelaksanaan kajian ini dijalankan dalam dua peringkat, iaitu pada peringkat persediaan dan pada peringkat pelaksanaan. Pada peringkat persediaan, kebenaran diminta dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (EPRD) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. Setelah diperoleh kebenaran, barulah kajian rintis dibuat. Dalam kajian rintis, pemerhatian awal dilakukan terhadap dua pelajar cemerlang. Setelah diperhati beberapa kali, dibina butiran pemerhatian. Kemudian, pemerhatian dilakukan sekali lagi bagi memastikan butiran yang dibina semasa pemerhatian dalam kajian sebenar. Bagi mengakui kebolehpercayaannya, kami meminta guru bahasa Melayu dan guru Panitia Bahasa Melayu serta Ketua Bidang Bahasa sekolah kajian rintis agar memeriksa butiran yang sesuai dan berkaitan. Kami juga merujuk dan berbincang dengan yang pakar dalam strategi pemelajaran.

Butiran pemerhatian dibina berdasarkan aspek berkomunikasi yang dicadangkan oleh Okon (1997) dan Johnson (1997) dan juga kemahiran berbahasa dalam Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu BM Sekolah Menengah (KPM 2000) dan Huraian Sukatan pelajaran BM KBSM Edisi Sekolah Bestari (KPM 1998). Antara aspek komunikasi lisan yang diperhatikan adalah yang berkaitan dengan tumpuan mata, kedudukan badan, pergerakan badan, mimik muka, intonasi suara, bahan bantu, keyakinan nada vokal, penglibatan, tindak balas, pergerakan mulut dan lain-lain yang dilihat ketika mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Setelah mendapat kerjasama guru bahasa Melayu sekolah berkenaan, kami meminta kebenaran agar ditemu bual empat orang pelajar cemerlang dan empat orang pelajar lemah dalam mata pelajaran BM berdasarkan gred peperiksaan PMR 2001. Kami juga mendapat kerjasama daripada guru kelas kedua-dua kumpulan peserta kajian yang membantu kami dalam memilih dan mengenal pasti peserta kajian seperti yang dicadangkan oleh guru tersebut. Pelajar terdiri daripada dua lelaki dan dua perempuan yang cemerlang dalam bahasa Melayu. Pelajar lemah yang dipilih ialah pelajar yang lemah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Dengan kerjasama guru bahasa Melayu dan guru kelas kedua-dua kumpulan pelajar berkenaan, hasilnya

kami mendapat bilangan peserta kajian yang sesuai.

Peserta kajian terbahagi kepada dua, iaitu pelajar cemerlang dan pelajar lemah. Pelajar cemerlang ialah pelajar yang mendapat gred A dalam mata pelajaran Bahasa Melayu pada peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Pelajar lemah ialah pelajar yang mendapat gred D atau E berdasarkan peperiksaan PMR berkenaan. Seramai dua pelajar lelaki dan dua pelajar perempuan mewakili kedua-dua kategori pelajar dijadikan peserta kajian (8 orang). Pelajar dipilih dengan kerjasama guru Bahasa Melayu, guru kelas pelajar berkenaan dan juga kesediaan pelajar itu sendiri untuk menjadi sampel kajian. Kajian dijalankan di sebuah sekolah menengah kebangsaan di Selangor. Sekolah dipilih berdasarkan *multisite case study* (Marshall dan Rossman, 1989; Yin, 1994).

Pemerhatian sebenar dibuat selama 10 minggu, bermula dari minggu pertama bulan Mac sehingga minggu kedua bulan Mei. Pemerhatian dibuat secara langsung dengan menggunakan butiran pemerhatian berstruktur. Melalui pemerhatian secara langsung, dapatlah dilihat, diperhati, didengar, dan dianalisis segala reaksi dan tingkah laku pelajar ketika mempelajari Bahasa Melayu. Melalui pemerhatian secara langsung, dapatlah diperoleh dan dikumpul pelbagai maklumat sama ada dalam bentuk lisan atau bukan lisan secara menyeluruh (Marshall dan Rossman, 1989; Norizan, 1992; Ahmad Zaidi, 1999, Roslan, 2002). Menurut Akhbar (1992), pemerhatian secara langsung sewaktu proses pengajaran dan pemelajaran sepanjang kajian dapat membantu kami dalam mengetahui gambaran menyeluruh akan kelangsungan sesuatu proses pemelajaran.

Dalam pemerhatian secara langsung, kami mendapat kerjasama sepenuhnya daripada pelajar cemerlang dan pelajar lemah. Setiap peserta kajian diperhatikan sebanyak tiga kali bagi setiap kemahiran bahasa. Jangka masa setiap pemerhatian adalah antara 35 hingga 40 minit bagi setiap kemahiran berdasarkan waktu belajar di sekolah. Dengan kata lain, setiap peserta kajian diperhati selama 120 minit dalam tiga kali pemerhatian bagi setiap kemahiran atau 12 kali pemerhatian bagi empat kemahiran bahasa yang diperhatikan.

Aspek yang diperhatikan adalah yang berkaitan dengan reaksi dan tingkah laku pelajar ketika belajar bahasa Melayu di dalam kelas. Setiap reaksi dan tingkah laku pelajar ketika mendengar, bertutur, membaca dan menulis direkodkan dalam borang pemerhatian yang telah disediakan. Di akhir pemerhatian, setiap reaksi dan tingkah laku peserta kajian dikumpul dan dianalisis bagi mencari kekerapan dan peratusan. Proses pemerhatian yang dijalankan dijelaskan dalam Rajah 2.




**Rajah 2** Prosedur kajian yang menggunakan instrumen pemerhatian.

Oleh sebab proses pemerhatian melibatkan reaksi dan tingkah laku peserta kajian, sudah pasti semasa pemerhatian diperoleh data yang pelbagai dan kompleks sifatnya ketika peserta kajian mempelajari Bahasa Melayu dalam keempat-empat kemahiran bahasa itu. Untuk mengatasinya, semasa pemerhatian kami merekod segala reaksi dan tingkah laku peserta kajian dalam satu set borang pemerhatian yang disediakan.

Setiap peserta kajian diperhatikan tiga kali bagi setiap kemahiran bahasa. Pemerhatian ini dibuat secara penumpuan yang sepenuhnya kerana setiap tingkah laku pelajar perlu diteliti dan dikenal pasti mengikut kemahiran. Pemerhatian dibuat secara bersahaja agar peserta kajian tidak berlebih-lebihan atau tidak hadir ke sekolah semasa pemerhatian dijalankan (tetapi berlaku kepada pelajar lemah). Semuanya direkod dan ditanda dalam borang pemerhatian tersebut agar hasil yang diperoleh adalah baik (Delamont, 1992).

Setelah pemerhatian selesai dijalankan kepada semua peserta kajian, data dianalisis dengan menggunakan kaedah kekerapan dan peratusan. Kemudian data dianalisis secara deskriptif dengan mencari frekuensi dan

peratusan bagi melihat penggunaan Strategi Pemelajaran Bahasa yang digunakan oleh peserta kajian dalam keempat-empat kemahiran bahasa tersebut. Data diproses seperti yang dicadangkan oleh Miles dan Hubberman (1994), iaitu memberi tema SPB pelajar berdasarkan butiran dalam setiap kemahiran bahasa itu. Selain itu, melalui analisis deskriptif ini, dapatlah dikenal pasti tema Strategi Pemelajaran Bahasa pelajar berdasarkan reaksi dan tingkah laku pelajar tersebut.

## DAPATAN KAJIAN

Data dianalisis berdasarkan tiga persoalan kajian yang dikemukakan, iaitu:

- Data pemerhatian peserta kajian (pelajar cemerlang dan pelajar lemah) secara keseluruhan.
- Data pemerhatian antara jantina pelajar cemerlang dan pelajar lemah.
- Data pemerhatian peserta kajian berdasarkan empat kemahiran bahasa.

### Pemerhatian Peserta Kajian Secara Keseluruhan antara Pelajar Cemerlang dengan Pelajar Lemah Berdasarkan Kemahiran Bahasa

Pemerhatian secara keseluruhan bermaksud menganalisis data pemerhatian yang dijalankan ke atas pelajar kajian bagi kedua-dua kategori pelajar kajian. Ertinya dapatan pemerhatian bagi pelajar cemerlang akan dibandingkan dengan dapatan pemerhatian bagi pelajar lemah. Perbandingan secara keseluruhan ini akan dianalisis satu per satu mengikut aspek berbahasa yang diperhatikan.

### Pemerhatian antara Peserta Kajian dari Segi Kemahiran Mendengar

Secara keseluruhan, terdapat perbezaan yang agak ketara dari segi Strategi Pemelajaran Bahasa yang digunakan oleh kedua-dua kumpulan peserta kajian dalam aspek pendengaran. Berdasarkan Lampiran I dan V, didapati pelajar cemerlang lebih banyak menggunakan Strategi Pemelajaran Bahasa dalam Kemahiran mendengar berbanding dengan pelajar lemah.

Daripada lapan butiran yang diperhatikan, didapati bahawa pelajar cemerlang sama ada lelaki ataupun perempuan lebih banyak menggunakan

Strategi Pemelajaran Bahasa berbanding dengan pelajar yang lemah. Hal ini dapat dibuktikan melalui reaksi dan tingkah laku pelajar cemerlang ketika belajar bahasa Melayu. Reaksi dan tingkah laku spontan ketika mendengar guru mengajar atau ketika rakan menerangkan sesuatu topik ini dapat dikategorikan dalam lima tema Strategi Pemelajaran Bahasa bagi pelajar kajian ketika belajar bahasa Melayu bagi aspek mendengar. Tema Strategi Pemelajaran Bahasa itu adalah berdasarkan tema kedudukan badan ketika mendengar, tumpuan mata ketika mendengar, pergerakan badan ketika mendengar, mimik muka ketika mendengar dan pergerakan mulut ketika mendengar.

Berdasarkan pemerhatian secara keseluruhan bagi aspek pendengaran, jelas bahawa pelajar cemerlang lebih banyak menggunakan kelima-lima tema Strategi Pemelajaran Bahasa ketika mendengar di dalam kelas Keempat-empat pelajar cemerlang menunjukkan reaksi dan tingkah laku ketika bertutur sebanyak 213 kali lebih banyak berbanding dengan keempat-empat pelajar lemah yang hanya menunjukkan reaksi dan tingkah laku sebanyak 150 kali ketika mendengar guru atau rakan sekelas memberi penerangan, pendapat, isi dan sebagainya. Tegasnya, daripada kelima-lima tema Strategi Pemelajaran Bahasa dalam aspek pendengaran (tema kedudukan badan, tumpuan mata, pergerakan badan, mimik muka dan pergerakan mulut ketika mendengar), dapat dirumuskan bahawa keempat-empat pelajar cemerlang mendengar guru atau rakan sekelas dengan:

- Kedudukan badan tetap memandang ke arah guru atau rakan sekelas ketika mendengar.
- Matanya tetap memandang ke arah guru atau rakan sekelas ketika mendengar.
- Kerap mengangguk-angguk kepalanya ketika mendengar penerangan guru atau rakan sekelas.
- Kerap menyentuh buku latihan ketika mendengar penerangan guru atau rakan sekelas.
- Kurang ketawa ketika mendengar penerangan guru atau rakan sekelas.
- Raut wajahnya yang penuh bersemangat atau berminat ketika mendengar penerangan guru atau rakan sekelas; dan
- Duduk diam, tidak bercakap semasa guru atau rakan sekelas memberi penerangan.

Bagi pelajar yang lemah, Strategi Pemelajaran Bahasa yang digunakan oleh mereka ketika mendengar adalah dengan:

- Mendengar kata guru atau rakan sekelas dengan banyak menggerak-gerakkan tangan dan kaki; dan
- Mendengar kata guru atau rakan sekelas dengan banyak ketawa.

**Pemerhatian antara Peserta Kajian dari Segi Kemahiran Bertutur**

Dalam aspek pertuturan, terdapat perbezaan yang agak ketara dari segi Strategi Pemelajaran Bahasa yang digunakan oleh kedua-dua kumpulan peserta kajian. Berdasarkan Jadual 2 dan 6, didapati pelajar cemerlang lebih banyak menggunakan Strategi Pemelajaran Bahasa dalam aspek pertuturan berbanding dengan pelajar yang lemah. Daripada 14 butiran yang diperhatikan, didapati bahawa pelajar cemerlang baik lelaki mahupun perempuan menggunakan lebih banyak Strategi Pemelajaran Bahasa ketika bertutur berbanding dengan pelajar yang lemah. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui reaksi dan tingkah laku pelajar cemerlang ketika belajar Bahasa Melayu di dalam kelas.

Reaksi dan tingkah laku peserta kajian ketika bertutur dapat dikategorikan dalam enam tema Strategi Pemelajaran Bahasa daripada aspek pertuturan. Tema Strategi Pemelajaran Bahasa bagi aspek pertuturan ini ialah tema intonasi suara ketika bertutur, pergerakan badan ketika bersuara, mimik muka ketika bersuara, bahan bantu bertutur ketika bertutur, reaksi spontan ketika bertutur dan tumpuan mata ketika bertutur.

Berdasarkan pemerhatian secara keseluruhan bagi aspek bertutur, dapat dirumuskan bahawa pelajar cemerlang lebih banyak menggunakan keenam-enam tema Strategi Pemelajaran Bahasa berbanding dengan pelajar yang lemah ketika belajar bahasa Melayu di dalam kelas. Keempat-empat pelajar cemerlang menunjukkan reaksi dan tingkah laku sebanyak 314 kali lebih banyak ketika bertutur berbanding dengan pelajar lemah yang hanya menunjukkan reaksi dan tingkah laku bertutur sebanyak 166 kali. Tegasnya, daripada keenam-enam tema (tema intonasi suara, pergerakan badan, mimik muka, bahan bantu bertutur, tindak balas dan tumpuan mata ketika bertutur), dapat dirumuskan bahawa keempat-empat pelajar cemerlang banyak menggunakan Strategi Pemelajaran Bahasa dari segi bertutur, iaitu:

- Bertutur dengan nada yang jelas didengar.
- Bertutur dengan menyebut satu per satu.
- Bertutur dengan menggerak-gerakkan aksi tangan.
- Bertutur dengan raut wajahnya penuh bersemangat dan suka bertutur memberi pendapat.

- Berdiri dengan cepat apabila diminta bertutur memberi pendapat.
- Cepat bertutur memberi respons atau isi-isi penting setelah diminta oleh guru.
- Menyoal guru atau rakan sekelas untuk mengetahui isi-isi penting.
- Mengulang apa yang dituturkan setelah diminta oleh guru atau rakan sekelas.
- Bertutur dengan spontan menggunakan ayat yang lengkap; dan
- Bertutur dengan matanya tetap menumpukan perhatian kepada guru atau pandang ke hadapan kelas.

Pelajar yang lemah hanya menggunakan Strategi Pemelajaran Bahasa dalam aspek pertuturan dengan:

- Bertutur dengan banyak berpandukan nota atau buku teks; dan
- Bertutur dengan mata yang kerap memandang rakan sekelas.

Walau bagaimanapun, kedua-dua kumpulan pelajar kajian tidak menggunakan sebutan baku.

## Pemerhatian antara Peserta Kajian dari Segi Kemahiran Membaca

Dalam aspek pembacaan, secara keseluruhannya terdapat perbezaan yang ketara dari segi Strategi Pemelajaran Bahasa yang digunakan oleh kedua-dua kumpulan pelajar kajian. Berdasarkan Lampiran 3 dan 7, didapati pelajar cemerlang lebih banyak menggunakan Strategi Pemelajaran Bahasa berbanding dengan pelajar yang lemah dalam aspek pembacaan. Berdasarkan 11 butiran yang diperhatikan, kesemua pelajar cemerlang baik lelaki mahupun perempuan lebih banyak menggunakan Strategi Pemelajaran Bahasa dalam aspek pembacaan. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui reaksi dan tindak balas pelajar cemerlang ketika belajar bahasa Melayu.

Reaksi dan tingkah laku ketika membaca telah menghasilkan tujuh tema Strategi Pemelajaran Bahasa; keyakinan nada vokal ketika membaca, intonasi suara ketika membaca, mimik muka ketika membaca, variasi bahasa ketika membaca, tumpuan mata ketika membaca, pergerakan badan ketika membaca, dan kedudukan badan ketika membaca.

Berdasarkan pemerhatian secara keseluruhan bagi aspek pembacaan, dapat dirumuskan bahawa pelajar cemerlang lebih banyak menggunakan ketujuh-tujuh tema Strategi Pemelajaran Bahasa berbanding dengan pelajar yang lemah ketika belajar bahasa Melayu di dalam kelas . Keempat-empat

pelajar cemerlang menunjukkan reaksi dan tingkah laku sebanyak 157 kali lebih banyak ketika membaca atau memberi tumpuan rakan sekelas membaca berbanding dengan pelajar lemah yang hanya menunjukkan reaksi dan tingkah laku membaca sebanyak 99 kali. Tegasnya, daripada ketujuh-tujuh tema Strategi Pemelajaran Bahasa dalam aspek pembacaan (tema keyakinan nada vokal, intonasi suara, mimik muka, variasi bahasa, tumpuan mata, pergerakan badan dan kedudukan badan ketika membaca), dapat dirumuskan bahawa keempat-empat pelajar cemerlang banyak menggunakan Strategi Pemelajaran Bahasa dari segi membaca dengan:

- Membaca dengan jelas apabila diminta oleh guru.
- Membaca dengan nada dan intonasi yang biasa sahaja.
- Membaca dengan nada dan intonasi yang menarik.
- Membaca dengan raut wajahnya yang ceria.
- Membaca dengan menyebut satu per satu.
- Memberi tumpuan dengan memerhati ketika rakan sekelas membaca.
- Mengangkat tangan supaya guru memilihnya membaca; dan
- Membaca dengan kedudukan badan yang tetap.

Pelajar yang lemah pula banyak menggunakan Strategi Pemelajaran Bahasa dalam aspek pembacaan seperti:

- Banyak membaca dengan perlahan;
- Banyak membaca sambil ketawa; dan
- Membaca dengan mencampuradukkan dengan bahasa harian, dialek atau bahasa tidak baku.

## Pemerhatian antara Peserta Kajian dari Segi Kemahiran Menulis

Dalam aspek penulisan, secara keseluruhan terdapat perbezaan yang agak ketara dari segi Strategi Pemelajaran Bahasa yang digunakan oleh kedua-dua kumpulan pelajar kajian. Berdasarkan Lampiran IV dan VIII, didapati pelajar cemerlang lebih banyak menggunakan Strategi Pemelajaran Bahasa berbanding dengan pelajar yang lemah dalam aspek penulisan. Daripada 12 butiran yang diperhatikan, pelajar cemerlang baik lelaki mahupun perempuan lebih banyak menggunakan Strategi Pemelajaran Bahasa ketika menulis. Hal ini dapat dibuktikan melalui reaksi dan tingkah laku pelajar cemerlang ketika belajar bahasa Melayu. Reaksi dan tingkah laku ketika menulis ini telah menghasilkan empat tema Strategi Pemelajaran Bahasa

dalam aspek penulisan pelajar kajian ketika belajar bahasa Melayu. Tema Strategi Pemelajaran Bahasa bagi aspek penulisan adalah berdasarkan pergerakan badan ketika menulis, tumpuan mata ketika menulis, penglibatan ketika menulis, dan mimik muka ketika menulis di dalam kelas.

Berdasarkan pemerhatian secara keseluruhan bagi aspek penulisan, dapat dirumuskan bahawa pelajar cemerlang lebih banyak menggunakan keempat-empat tema Strategi Pemelajaran Bahasa ketika menulis berbanding dengan pelajar yang lemah ketika belajar bahasa Melayu semasa di dalam kelas. Keempat-empat pelajar cemerlang menunjukkan reaksi dan tingkah laku sebanyak 197 lebih banyak ketika menulis berbanding dengan pelajar lemah yang hanya menunjukkan reaksi dan tingkah laku menulis sebanyak 140 kali. Tegasnya, daripada keempat-empat tema Strategi Pemelajaran Bahasa dalam aspek penulisan (tema pergerakan badan, tumpuan mata, penglibatan, dan mimik muka ketika menulis), dapat dirumuskan bahawa keempat-empat pelajar cemerlang banyak menggunakan Strategi Pemelajaran Bahasa dalam aspek menulis dengan:

- Menulis dengan kedudukan badan yang pegun.
- Menulis dengan matanya tetap memandang ke arah papan hitam.
- Menulis dengan matanya tetap menumpukan perhatian kepada apa yang ditulis.
- Kurang memegang nota atau teks ketika menulis.
- Mengambil bahagian dalam aktiviti menulis di papan hitam.
- Menulis hasil perbincangan kumpulan di papan hitam.
- Menulis hasil perbincangan ke dalam buku latihan.
- Menyiapkan latihan pada masa yang ditetapkan.
- Menghantar latihan pada masa yang ditetapkan.
- Menulis dengan raut wajahnya yang menunjukkan pemahaman terhadap yang ditulis; dan
- Mengurangkan bercakap dengan rakan ketika menulis.

Pelajar yang lemah banyak menggunakan Strategi Pemelajaran Bahasa ketika menulis seperti yang berikut:

- Menulis dengan matanya tetap memandang ke arah papan hitam.
- Menulis dengan tangan tetap memegang nota atau teks; dan
- Banyak bercakap dengan rakan sekelas ketika menulis.

## Pemerhatian Berdasarkan Jantina Peserta Kajian

Pemerhatian dari segi jantina bermaksud peserta kajian sama ada pelajar cemerlang mahupun pelajar lemah akan dianalisis Strategi Pemelajaran Bahasa yang digunakan oleh mereka. Bagi memudahkan analisis, pemerhatian berdasarkan jantina ini akan dijalankan dalam bentuk perbandingan dalam penggunaan Strategi Pemelajaran Bahasa. Justeru, penulisan bagi bahagian ini akan dibuat dalam dua bahagian, iaitu perbandingan antara pelajar lelaki yang cemerlang (PCL) dengan pelajar perempuan yang cemerlang (PCP) dan perbandingan antara pelajar lelaki yang lemah (PLL) dengan pelajar perempuan yang lemah (PLP). Di akhir bahagian, satu rumusan keseluruhan pemerhatian antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dibuat.

## Perbandingan Pemerhatian antara Pelajar Lelaki yang Cemerlang dengan Pelajar Perempuan yang Cemerlang

Dari segi jantina pelajar cemerlang, daripada empat kemahiran berbahasa yang diperhatikan, terdapat perbezaan Strategi Pemelajaran Bahasa yang digunakan oleh mereka. Hal ini berdasarkan kepada kekerapan reaksi dan tingkah laku pelajar sama ada secara individu ataupun secara keseluruhan. Bagi memudahkan kajian, Strategi Pemelajaran Bahasa dalam kalangan pelajar cemerlang dibuat dalam empat kemahiran berbahasa yang diperhatikan.

## Perbandingan Pemerhatian antara Pelajar Lelaki yang Cemerlang dengan Pelajar Perempuan yang Cemerlang dalam Kemahiran Mendengar

Berdasarkan Lampiran I, secara keseluruhan terdapat perbezaan Strategi Pemelajaran Bahasa antara PCL dengan PCP. Daripada lima tema Strategi Pemelajaran Bahasa yang dikategorikan (tema kedudukan badan, tumpuan mata, pergerakan badan, mimik muka dan pergerakan mulut ketika mendengar), didapati PCP menguasai kesemua Strategi Pemelajaran Bahasa dalam kemahiran mendengar. Hal ini dapat ditunjukkan satu per satu seperti yang berikut:

- Tema kedudukan badan (butiran 1 dan 8) – PCP lebih banyak menggunakan Strategi Pemelajaran Bahasa berbanding dengan PCL ketika mendengar di dalam kelas, iaitu:

- PCP lebih banyak mendengar kata guru atau rakan sekelas dengan kedudukan badan yang tetap memandang ke arah guru berbanding dengan PCL.
- PCP lebih banyak duduk diam semasa guru sedang mengajar atau ketika rakan sekelas memberi pendapat berbanding dengan PCL.

❖ Tema tumpuan mata (butiran 2) – PCP lebih banyak menggunakan Strategi Pemelajaran Bahasa berbanding dengan PCL ketika mendengar di dalam kelas, iaitu:

- PCP lebih banyak mendengar kata guru atau rakan sekelas dengan matanya tetap menumpukan perhatian berbanding dengan PCL.

❖ Tema pergerakan badan (butiran 5) – PCP lebih banyak menggunakan Strategi Pemelajaran Bahasa berbanding dengan PCL ketika mendengar di dalam kelas, iaitu:

- PCP lebih banyak mendengar kata guru atau rakan sekelas dengan tangan yang kerap menyentuh buku latihan berbanding dengan PCL.

❖ Tema mimik muka (butiran 4 dan 7) – PCP lebih banyak menggunakan Strategi Pemelajaran Bahasa berbanding dengan PCL ketika mendengar di dalam kelas, iaitu:

- PCP lebih banyak mendengar kata guru atau rakan sekelas dengan kerap mengangguk-anggukkan kepala tanda faham berbanding dengan PCL.
- PCP lebih banyak mendengar kata guru atau rakan sekelas dengan raut wajahnya yang bersemangat atau suka mendengarnya berbanding dengan PCL.

❖ Tema pergerakan mulut (butiran 6) – PCP lebih banyak menggunakan Strategi Pemelajaran Bahasa berbanding dengan PCL ketika mendengar di dalam kelas, iaitu:

- PCP lebih banyak mendengar kata guru atau rakan sekelas dengan kurang ketawa berbanding dengan PCL.

Daripada keseluruhan pemerhatian yang dijalankan dalam aspek Kemahiran mendengar, PCP lebih banyak menggunakan Strategi Pemelajaran Bahasa berbanding dengan PCL. PCP didapati lebih banyak menunjukkan reaksi dan tingkah laku ketika belajar. Kemahiran mendengar berdasarkan tiga kali pemerhatian yang dibuat dengan berpandukan kemahiran men-

dengar bagi setiap pelajar cemerlang. Hasilnya, PCP mempunyai kekerapan 119 kali berbanding dengan PCL yang hanya mempunyai kekerapan mendengar sebanyak 93 kali. Dari segi tema Strategi Pemelajaran Bahasa pula, daripada lima tema SPB tersebut, PCP menguasai kesemua tema SPB itu. Kesimpulannya, PCP lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PCL ketika mendengar di dalam kelas.

## Perbandingan Pemerhatian antara Pelajar Lelaki yang Cemerlang dengan Pelajar Perempuan yang Cemerlang dalam Kemahiran Bertutur

Berdasarkan Lampiran II, secara keseluruhan terdapat perbezaan SPB antara PCL dengan PCP. Daripada enam tema SPB yang dikategorikan (tema intonasi suara, pergerakan badan, mimik muka, bahan bantu bertutur, tindak balas segera dan tumpuan mata ketika bertutur), didapati PCL lebih banyak menguasai SPB dalam kemahiran bertutur berbanding dengan PCP. Hal ini dapat ditunjukkan satu per satu seperti yang berikut:

- ❖ Tema intonasi suara (butiran 1,2,3 dan 4) – PCL lebih banyak menggunakan SPB dalam butiran 2, 3 dan 4, manakala butiran 1 sama-sama digunakan oleh PCL dan PCP ketika bertutur di dalam kelas.
  - PCL dan PCP sama-sama banyak bertutur dengan tidak menggunakan bahasa baku.
  - PCL lebih banyak bertutur dengan nada dan intonasi yang biasa sahaja atau tidak baku berbanding dengan PCP.
  - PCL lebih banyak bertutur dengan nada yang jelas didengari berbanding dengan PCP.
  - PCL lebih banyak bertutur dengan menyebut satu per satu dengan jelas berbanding dengan PCP.
- ❖ Tema pergerakan badan (butiran 5 dan 8) – PCL lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PCP ketika bertutur di dalam kelas, iaitu:
  - PCL lebih banyak bertutur dengan kerap menggerakkan aksi tangannya berbanding dengan PCP.
  - PCL lebih cepat berdiri atau tidak mengambil masa ketika diminta memberi pendapat berbanding dengan PCP.
- ❖ Tema mimik muka (butiran 6) – PCL dan PCP sama-sama banyak menggunakan SPB ketika bertutur di dalam kelas, iaitu:

- PCL dan PCP sama-sama banyak bertutur dengan raut wajahnya yang ceria ketika bertutur memberi pendapat dan lain-lain.

❖ Tema bahan bantu bertutur (butiran 7) – PCP lebih banyak menggunakan SPB ketika bertutur di dalam kelas, iaitu:

- PCP lebih banyak bertutur dengan berpandukan/menggunakan buku teks atau nota latihan berbanding dengan PCL.

❖ Tema tindak balas segera (butiran 9, 10, 11 dan 12) – PCL lebih banyak menggunakan SPB ketika bertutur di dalam kelas berbanding dengan PCP (bagi butiran 9 dan 10), manakala bagi butiran 11 dan 12, kedua-duanya sama-sama banyak menggunakannya.

- PCL lebih banyak bertutur untuk memberi respons atau isi penting setelah diminta oleh guru berbanding dengan PCP.
- PCL lebih banyak menyoal guru atau rakan sekelas untuk mengetahui isi penting dan sebagainya berbanding dengan PCP
- PCL dan PCP sama-sama banyak mengulangi apa yang telah dituturkan setelah diminta oleh guru atau rakan sekelas.
- PCL dan PCP sama-sama banyak bertutur dengan spontan dengan menggunakan ayat yang lengkap.

❖ Tema tumpuan mata (butiran 13 dan 14) – PCP lebih banyak menggunakan SPB dalam butiran 13, manakala PCL menggunakan butiran 14 seperti yang berikut:

- PCP lebih banyak bertutur dengan matanya tetap menumpukan perhatian kepada guru atau memandang ke hadapan berbanding dengan PCL.
- PCL lebih banyak bertutur dengan mata kerap memandang rakan sekelas berbanding dengan PCP.

Daripada keseluruhan pemerhatian yang dijalankan dalam aspek kemahiran mendengar, PCL lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PCP. PCL didapati lebih banyak menunjukkan reaksi dan tingkah laku ketika belajar kemahiran bertutur. Hal ini didasarkan kepada tiga kali pemerhatian yang dibuat berdasarkan kemahiran mendengar bagi setiap pelajar cemerlang. Hasilnya, PCL mempunyai kekerapan sebanyak 167 kali berbanding dengan PCP yang kekerapannya hanya 147 kali ketika bertutur. Dari segi tema SPB pula, daripada enam tema SPB tersebut, PCL menguasai SPB berdasarkan tema intonasi suara, pergerakan badan, dan reaksi spontan. Bagi PCP pula, mereka menguasai tema bahan bantu bertutur dan tumpuan mata. Sebaliknya, tema mimik muka sama-sama dikuasai oleh PCL dan

PCP ketika bertutur di dalam kelas. Kesimpulannya, PCL lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PCP ketika bertutur di dalam kelas.

**Perbandingan Pemerhatian antara Pelajar Lelaki yang Cemerlang dengan Pelajar Perempuan yang Cemerlang dalam Kemahiran Membaca**

Berdasarkan Lampiran III, secara keseluruhan terdapat perbezaan SPB antara PCL dengan PCP. Daripada tujuh tema SPB yang dikategorikan (tema keyakinan nada vokal, intonasi suara, mimik muka, variasi bahasa, tumpuan mata, kedudukan badan, dan pergerakan badan ketika membaca), didapati PCP lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PCL dalam kemahiran membaca. Hal ini dapat ditunjukkan satu per satu seperti yang berikut:

- ❖ Tema keyakinan nada vokal (butiran 1 dan 2) – PCL lebih banyak menggunakan SPB dalam butiran 2, manakala PCL dan PCP sama –sama banyak menggunakan SPB dalam butiran 1.
  - PCL lebih banyak membaca dengan kuat atau jelas didengar berbanding dengan PCP.
  - PCL dan PCP sama-sama banyak membaca bahan prosa atau puisi dengan jelas apabila diminta oleh guru.
- ❖ Tema intonasi suara (butiran 3, 4 dan 6) – PCP lebih banyak menggunakan SPB dalam butiran 4 dan 6, manakala PCL lebih banyak menggunakan SPB bagi butiran 3 ketika membaca di dalam kelas.
  - PCP lebih banyak membaca dengan nada dan intonasi yang menarik berbanding dengan PCL.
  - PCP lebih banyak membaca dengan menyebut satu per satu berbanding dengan PCL.
  - PCL lebih banyak membaca dengan nada dan intonasi yang biasa sahaja berbanding dengan PCP.
- ❖ Tema mimik muka (butiran 5 dan 7) – PCP lebih banyak menggunakan SPB dalam butiran 7, manakala butiran 5 PCL dan PCP sama-sama banyak menggunakannya ketika membaca di dalam kelas.
  - PCP lebih banyak membaca dengan serius atau kurang ketawa berbanding dengan PCL.
  - PCP dan PCL sama-sama banyak membaca dengan raut wajahnya yang ceria ketika membaca di dalam kelas.
- ❖ Tema variasi bahasa (butiran 8) – PCL dan PCP sama-sama banyak

menggunakan SPB ketika membaca di dalam kelas, iaitu:
- PCP dan PCL tidak mencampuradukkan bahasa harian atau dialek ketika membaca di dalam kelas.

- ❖ Tema tumpuan mata (butiran 9) – PCP lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PCL ketika membaca di dalam kelas, iaitu:
  - PCP lebih banyak memberi tumpuan dengan memandang rakan sekelas membaca.
- ❖ Tema pergerakan badan (butiran 10) – PCL lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PCP ketika membaca di dalam kelas, iaitu:
  - PCL lebih banyak mengangkat tangan supaya guru memilihnya untuk membaca berbanding dengan PCL.
- ❖ Tema kedudukan badan (butiran 11) – PCP lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PCL ketika membaca di dalam kelas, iaitu:
  - PCP lebih banyak membaca dengan kedudukan badannya yang pegun ketika membaca berbanding dengan PCL.

Daripada keseluruhan pemerhatian yang dijalankan dalam aspek kemahiran membaca, PCP lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PCL. PCP didapati lebih banyak menunjukkan reaksi dan tingkah laku ketika belajar kemahiran membaca. Hal ini didasarkan kepada tiga kali pemerhatian yang dibuat berdasarkan kemahiran membaca bagi setiap pelajar cemerlang. Hasilnya, PCP mempunyai kekerapan sebanyak 81 kali berbanding dengan PCL yang kekerapan membacanya hanya 76 kali. Dari segi tema SPB pula, daripada tujuh tema SPB tersebut, PCP menguasai SPB berdasarkan tema intonasi suara, mimik muka, tumpuan mata dan kedudukan badan. Sebaliknya, PCL hanya menguasai SPB berdasarkan tema keyakinan nada vokal pergerakan badan, manakala tema variasi bahasa tidak digunakan oleh PCL dan PCP ketika membaca. Kesimpulanya, PCP lebih banyak menguasai SPB berbanding dengan PCL ketika membaca di dalam kelas.

**Perbandingan Pemerhatian antara Pelajar Lelaki yang Cemerlang dengan Pelajar Perempuan yang Cemerlang dalam Kemahiran Menulis**

Berdasarkan Lampiran IV, secara keseluruhan terdapat perbezaan SPB antara PCL dengan PCP. Daripada empat tema SPB yang dikategorikan

(tema pergerakan badan, tumpuan mata, penglibatan dan mimik muka ketika menulis), didapati PCP lebih banyak menguasai SPB dalam kemahiran menulis. Hal ini dapat ditunjukkan satu per satu seperti yang berikut:

- Tema pergerakan badan (butiran 1, 4 dan 6) – PCP lebih banyak menggunakan SPB dalam butiran 1 dan 4, manakala butiran 6 dikuasai PCL.
  - PCP lebih banyak menulis dengan kedudukan badan yang tidak banyak bergerak ataupun tetap memberi tumpuan ketika menulis berbanding dengan PCL.
  - PCP lebih banyak menulis dengan tangan yang kerap memegang buku teks atau nota latihan berbanding dengan PCL.
  - PCL lebih banyak mengangkat tangan agar diberi peluang menulis jawapan di papan hitam berbanding dengan PCP.
- Tema tumpuan mata (butiran 2 dan 3) – PCP lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PCL ketika menulis di dalam kelas, iaitu:
  - PCP lebih banyak menulis dengan matanya kerap memandang ke arah papan hitam berbanding dengan PCL.
  - PCP lebih banyak menulis dengan matanya tetap menumpukan perhatian kepada apa yang ditulisnya berbanding dengan PCP.
- Tema penglibatan (butiran 5, 7, 8, 9 dan 10) – PCP lebih banyak menggunakan SPB dalam butiran 7 dan 8, manakala butiran 5, 9 dan 10, PCL dan PCP sama-sama menggunakannya ketika membaca di dalam kelas.
  - PCP lebih banyak menulis hasil perbincangan kumpulan di papan hitam berbanding dengan PCL.
  - PCP lebih banyak menulis isi-isi perbincangan ke dalam buku latihan berbanding dengan PCL.
  - PCL dan PCP sama-sama banyak mengambil bahagian dalam aktiviti menulis di papan hitam.
  - PCL dan PCP sama-sama banyak menyiapkan latihan pada masa yang ditetapkan apabila diminta oleh guru.
  - PCL dan PCP sama-sama banyak menghantar hasil latihan kepada guru pada masa yang ditetapkan.
- Tema mimik muka (butiran 11 dan 12) – PCP lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PCL ketika membaca di dalam kelas, iaitu:
  - PCP lebih banyak menggunakan SPB dengan menulis dengan

raut wajahnya yang menunjukkan pemahaman terhadap apa yang ditulisnya berbanding dengan PCL.

- PCP lebih banyak duduk diam ketika menulis, iaitu kurang bercakap dengan rakan sekelas berbanding dengan PCL.

Daripada keseluruhan pemerhatian yang dijalankan dalam aspek kemahiran menulis, PCP lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PCL. PCP didapati lebih banyak menunjukkan reaksi dan tingkah laku ketika belajar kemahiran menulis. Hal ini didasarkan kepada tiga kali pemerhatian yang dibuat berdasarkan kemahiran menulis bagi setiap pelajar cemerlang. Hasilnya, PCP mempunyai kekerapan sebanyak 108 kali berbanding dengan PCL yang kekerapan menulisnya hanya 89 kali. Dari segi SPB pula, daripada empat tema SPB tersebut PCP menguasai kesemua tema SPB itu. Hal ini menunjukkan bahawa PCP lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PCL ketika menulis di dalam kelas. Kesimpulannya, PCP lebih banyak menguasai SPB berbanding dengan PCL ketika menulis di dalam kelas.

**Perbandingan Pemerhatian antara Pelajar Lelaki yang Lemah dengan Pelajar Perempuan yang Lemah**

Berkaitan dengan perkara di atas, daripada empat kemahiran berbahasa yang diperhatikan, terdapat perbezaan SPB yang digunakan dalam kalangan pelajar yang lemah. Hal ini berdasarkan kepada kekerapan reaksi dan tingkah laku balas pelajar sama ada secara individu ataupun secara keseluruhan. Bagi memudahkan kajian, SPB dalam kalangan pelajar lemah ini dibuat dalam empat kemahiran berbahasa yang diperhatikan.

**Perbandingan Pemerhatian antara Pelajar Lelaki yang Lemah dengan Pelajar Perempuan yang Lemah dalam Kemahiran Mendengar**

Berdasarkan Lampiran V, secara keseluruhan terdapat perbezaan SPB antara PLL dengan PLP. Daripada lima tema SPB yang dikategorikan (tema kedudukan badan, tumpuan mata, pergerakan badan, mimik muka dan pergerakan mulut ketika mendengar), didapati PLP menguasai kesemua SPB dalam kemahiran mendengar. Hal ini dapat ditunjukkan satu per satu seperti yang berikut:

- Tema kedudukan badan (butiran 1 dan 8) – PLP lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PLL ketika mendengar di

dalam kelas, iaitu:

- PLP lebih banyak mendengar kata guru atau rakan sekelas dengan kedudukan badan yang tetap memandang ke arah guru berbanding dengan PLL.
- PLP lebih banyak duduk diam semasa guru sedang mengajar atau ketika rakan sekelas memberi pendapat berbanding dengan PLL.

❖ Tema tumpuan mata (butiran 2) – PLP lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PLL ketika mendengar di dalam kelas, iaitu:

- PCP lebih banyak mendengar kata guru atau rakan sekelas dengan matanya tetap menumpukan perhatian berbanding dengan PCL.

❖ Tema pergerakan badan (butiran 3 dan 5) – PLP lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PLL ketika mendengar di dalam kelas, iaitu:

- PLP lebih banyak duduk diam dengan kurang menggerakkan tangan dan kakinya ketika mendengar kata guru atau rakan sekelas berbanding dengan PLL.
- PLP lebih banyak mendengar kata guru atau rakan sekelas dengan tangan yang kerap menyentuh buku latihan berbanding dengan PLL.

❖ Tema mimik muka (butiran 4 dan 7) – PCL lebih banyak menggunakan SPB dalam butiran 4, manakala PLP dalam butiran 7 ketika mendengar di dalam kelas.

- PLL lebih banyak mendengar kata guru atau rakan sekelas dengan kerap mengangguk-anggukkan kepala tanda faham berbanding dengan PLP.
- PLP lebih banyak mendengar kata guru atau rakan sekelas dengan raut wajahnya yang bersemangat atau suka mendengarnya berbanding dengan PLL.

❖ Tema pergerakan mulut (butiran 6) – PCP lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PCL ketika mendengar di dalam kelas, iaitu:

- PLP lebih banyak mendengar kata guru atau rakan sekelas dengan kurang ketawa berbanding dengan PLL.

Daripada keseluruhan pemerhatian yang dijalankan dari segi kemahiran mendengar, PLP lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PLL.

PLP didapati lebih banyak menunjukkan reaksi dan tingkah laku ketika belajar kemahiran mendengar. Hal ini didasarkan kepada tiga kali pemerhatian yang dibuat dalam kemahiran mendengar bagi setiap pelajar cemerlang. Hasilnya, PLP mempunyai kekerapan sebanyak 76 kali berbanding dengan PCL yang kekerapan mendengarnya hanya 74 kali. Dari segi SPB pula, daripada lima tema SPB tersebut PLP menguasai enam SPB itu dalam kesemua tema SPB berkenaan, manakala PLL hanya menguasai dua SPB dalam tema pergerakan badan (butiran 3) dan mimik muka (butiran 4). Kesimpulannya, PLP lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PLL ketika mendengar di dalam kelas.

## Perbandingan Pemerhatian antara Pelajar Lelaki yang Lemah dengan Pelajar Perempuan yang Lemah dalam Kemahiran Bertutur

Berdasarkan Lampiran VI, secara keseluruhan terdapat perbezaan SPB antara PLL dengan PLP. Daripada enam tema SPB yang dikategorikan (tema intonasi suara, pergerakan badan, mimik muka, bahan bantu bertutur, reaksi spontan dan tumpuan mata ketika bertutur), didapati PLL lebih banyak menguasai SPB dalam kemahiran bertutur berbanding dengan PLP. Dapatan ini dapat ditunjukkan satu per satu seperti yang berikut:

- ❖ Tema intonasi suara (butiran 1, 2, 3 dan 4) – PLL lebih banyak menggunakan SPB dalam 3 dan 4, manakala butiran 1 dan 2 sama-sama digunakan oleh PLL dan PLP.
  - PLL dan PLP sama-sama banyak bertutur dengan tidak menggunakan bahasa baku.
  - PLL dan PLP sama-sama banyak bertutur dengan nada dan intonasi yang biasa sahaja atau tidak baku.
  - PLL lebih banyak bertutur dengan nada yang jelas didengar berbanding dengan PLP.
  - PLL lebih banyak bertutur dengan menyebut satu per satu dengan jelas berbanding dengan PLP.
- ❖ Tema pergerakan badan (butiran 5 dan 8) – PLL lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PLP ketika bertutur di dalam kelas, iaitu:
  - PLL lebih banyak bertutur dengan kerap menggerakkan aksi tangannya berbanding dengan PLP.
  - PLL lebih cepat berdiri atau tidak berlengah-lengah ketika diminta memberi pendapat berbanding dengan PLP.

- Tema mimik muka (butiran 6) – PLL lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PLP ketika bertutur di dalam kelas, iaitu:
  - PLL lebih banyak bertutur dengan raut wajahnya yang suka ketika bertutur memberi pendapat dan lain-lain berbanding dengan PLP.
- Tema bahan bantu bertutur (butiran 7) – PLL dan PLP sama-sama banyak menggunakan SPB ketika bertutur di dalam kelas, iaitu:
  - PLL dan PLP sama-sama banyak bertutur dengan berpandukan/ menggunakan buku teks atau nota latihan.
- Tema tindak balas segera (butiran 9, 10, 11 dan 12) – PCL lebih banyak menggunakan SPB bagi butiran 9, 11 dan 12, manakala bagi butiran 10 tidak digunakan oleh PCL dan PLP ketika bertutur di dalam kelas.
  - PLL lebih banyak bertutur untuk memberi respons atau isi penting setelah diminta oleh guru berbanding dengan PLP.
  - PLL lebih banyak mengulangi apa yang telah dituturkan setelah diminta oleh guru atau rakan sekelas berbanding dengan PLP.
  - PLL lebih banyak bertutur dengan spontan dengan menggunakan ayat yang lengkap berbanding dengan PLP.
  - PLL dan PLP tidak menggunakan SPB dengan menyoal guru atau rakan sekelas untuk mengetahui isi penting dan sebagainya.
- Tema tumpuan mata (butiran 13 dan 14) – PLP lebih banyak menggunakan SPB dalam butiran 13, manakala PLL menggunakan butiran 14.
  - PLP lebih banyak bertutur dengan matanya tetap menumpukan perhatian kepada guru atau memandang ke hadapan berbanding dengan PLL.
  - PLL lebih banyak bertutur dengan mata kerap yang memandang rakan sekelas berbanding dengan PLP.

Daripada keseluruhan pemerhatian yang dijalankan dalam kemahiran bertutur, PLL lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan dengan PLP. PLL didapati lebih banyak menunjukkan reaksi dan tingkah laku ketika bertutur di dalam kelas. Hal ini didasarkan kepada tiga kali pemerhatian yang dibuat dalam kemahiran bertutur bagi setiap pelajar cemerlang. Hasilnya, PLL mempunyai kekerapan sebanyak 90 kali berbanding dengan PLP yang kekerapan mendengarnya hanya 76 kali. Dari segi SPB pula, daripada enam tema SPB tersebut, PLL menguasai 11 SPB dalam keenam-enam tema SPB

tersebut, manakala PLP hanya menguasai empat SPB dalam tiga tema, iaitu intonasi suara (butiran 2), bahan bantu bertutur (butiran 7) dan tumpuan mata (butiran 13). Kesimpulannya, PLL lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PLP ketika mendengar di dalam kelas.

**Perbandingan Pemerhatian antara Pelajar Lelaki yang Lemah dengan Pelajar Perempuan yang Lemah dalam Kemahiran Membaca**

Berdasarkan Lampiran VII, secara keseluruhan terdapat perbezaan SPB antara PLL dengan PLP. Daripada tujuh tema SPB yang dikategorikan (tema keyakinan nada vokal, intonasi suara, mimik muka, variasi bahasa, tumpuan mata, kedudukan badan, dan pergerakan badan ketika membaca), didapati PCP lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PCL dalam kemahiran membaca. Dapatan ini dapat ditunjukkan satu per satu seperti yang berikut:

- Tema keyakinan nada vokal (butiran 1 dan 2) – PLL lebih banyak menggunakan SPB berbanding PLP ketika membaca di dalam kelas, iaitu:
  - PLL lebih banyak membaca dengan kuat atau jelas didengar berbanding dengan PLP.
  - PLL lebih banyak membaca bahan prosa atau puisi dengan jelas apabila diminta oleh guru berbanding dengan PLP.
- Tema intonasi suara (butiran 3, 4 dan 6) – PLP lebih banyak menggunakan SPB dalam butiran 4 dan 6, manakala bagi butiran 3 sama-sama banyak digunakan oleh PLL dan PLP ketika membaca di dalam kelas.
  - PLL dan PLP sama-sama banyak menggunakan SPB dengan banyak membaca dengan nada dan intonasi yang biasa.
  - PLP lebih banyak membaca dengan nada dan intonasi yang menarik berbanding dengan PLL.
  - PLP lebih banyak membaca dengan menyebut satu per satu berbanding dengan PLL.
- Tema mimik muka (butiran 5 dan 7) – PLL lebih banyak menggunakan SPB dalam butiran 5, manakala butiran 5 PLP lebih banyak menggunakannya ketika membaca di dalam kelas.
  - PCP lebih banyak membaca dengan serius atau kurang ketawa berbanding dengan PLL.
  - PLL lebih banyak membaca dengan raut wajahnya yang ceria

ketika membaca berbanding dengan PLP.

- Tema variasi bahasa (butiran 8) – PLL lebih banyak menggunakan SPB ketika membaca di dalam kelas, iaitu:
  - PLL mencampuradukkan bahasa harian atau dialek ketika membaca di dalam kelas berbanding dengan PLP.
- Tema tumpuan mata (butiran 9) – PLP lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PLL ketika membaca di dalam kelas, iaitu:
  - PLP lebih banyak memberi tumpuan dengan memandang rakan sekelas membaca berbanding dengan PLL.
- Tema pergerakan badan (butiran 10) – PLL dan PLP tidak menggunakan SPB, iaitu:
  - PLL dan PLP tidak mengangkat tangan supaya guru memilihnya untuk membaca.
- Tema kedudukan badan (butiran 11) – PLP lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PCL ketika membaca di dalam kelas, iaitu:
  - PLP lebih banyak membaca dengan kedudukan badannya yang pegun ketika membaca berbanding dengan PLL.

Daripada keseluruhan pemerhatian yang dijalankan dalam aspek kemahiran membaca, PLP lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PLL. PLP didapati lebih banyak menunjukkan reaksi dan tingkah laku ketika membaca. Hal ini didasarkan kepada tiga kali pemerhatian yang dibuat dalam kemahiran membaca bagi setiap pelajar yang lemah. Hasilnya, PLP mempunyai kekerapan sebanyak 52 kali berbanding dengan PLL yang kekerapan membacanya hanya 47 kali. Dari segi tema SPB pula, daripada tujuh tema SPB tersebut, PLP menguasai SPB berdasarkan tema intonasi suara, mimik muka, tumpuan mata dan kedudukan badan. Sebaliknya, PLL hanya menguasai SPB berdasarkan tema keyakinan nada vokal, mimik muka dan variasi bahasa. Kesimpulanya, PLP menguasai lapan SPB dalam kemahiran membaca berbanding dengan PLL yang hanya menguasai tiga SPB dalam kemahiran membaca.

## Perbandingan Pemerhatian antara Pelaja Lelaki yang Lemah dengan Pelajar Perempuan yang Lemah dalam Kemahiran Menulis

Berdasarkan Lampiran VIII, secara keseluruhan terdapat perbezaan SPB antara PLL dengan PLP. Daripada empat tema SPB yang diperhatikan dalam kemahiran menulis (tema pergerakan badan, tumpuan mata, penglibatan

dan mimik muka ketika menulis), didapati PLP lebih banyak menguasai SPB dalam kemahiran menulis. Hal ini dapat ditunjukkan satu per satu seperti yang berikut:

- Tema pergerakan badan (butiran 1, 4 dan 6) – PLP lebih banyak menggunakan SPB dalam butiran 1 dan 4, manakala butiran 6 dikuasai oleh PLL.
  - PLP lebih banyak menulis dengan kedudukan badan yang pegun ketika menulis berbanding dengan PLL.
  - PLP lebih banyak menulis dengan tangan yang kerap memegang buku teks atau nota latihan berbanding dengan PLL.
  - PLL lebih banyak mengangkat tangan agar diberi peluang menulis jawapan di papan hitam berbanding dengan PLP.
- Tema tumpuan mata (butiran 2 dan 3) – PCL lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PLL ketika menulis di dalam kelas, iaitu:
  - PLP lebih banyak menulis dengan matanya kerap memandang ke arah papan hitam berbanding dengan PLL.
  - PLP lebih banyak menulis dengan matanya tetap menumpukan perhatian kepada apa yang ditulisnya berbanding dengan PLP.
- Tema penglibatan (butiran 5, 7, 8, 9 dan 10) – PLP lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PLL ketika membaca di dalam kelas, iaitu:
  - PLP lebih banyak mengambil bahagian dalam aktiviti menulis di papan hitam berbanding dengan PLL.
  - PLP lebih banyak menulis hasil perbincangan kumpulan di papan hitam berbanding dengan PLL.
  - PLP lebih banyak menulis isi perbincangan ke dalam buku latihan berbanding dengan PLL.
  - PLP lebih banyak menyiapkan latihan pada masa yang ditetapkan apabila diminta oleh guru berbanding dengan PLL.
  - PLP lebih banyak menghantar hasil latihan kepada guru pada masa yang ditetapkan berbanding dengan PLL.
- Tema mimik muka (butiran 11 dan 12) – PLP lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PLL ketika menulis di dalam kelas iaitu:
  - PLP lebih banyak menggunakan SPB dengan menulis dengan raut wajahnya yang menunjukkan pemahaman terhadap apa yang ditulisnya berbanding dengan PLL.

- PLP lebih banyak duduk diam ketika menulis, iaitu kurang bercakap dengan rakan sekelas berbanding dengan PLL.

Daripada keseluruhan pemerhatian yang dijalankan dalam kemahiran menulis, PLP lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PLL. PLP didapati lebih banyak menunjukkan reaksi dan tingkah laku ketika menulis di dalam kelas. Dapatan ini didasarkan kepada tiga kali pemerhatian yang dibuat dalam kemahiran menulis bagi setiap pelajar yang lemah. Hasilnya, PLP mempunyai kekerapan sebanyak 80 kali berbanding dengan PLL yang hanya menunjukkan kekerapan sebanyak 60 kali ketika menulis. Dari segi tema SPB pula, daripada empat tema SPB tersebut PLP menguasai kesemua tema SPB itu. Hal ini menunjukkan bahawa PCP lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PLL ketika menulis di dalam kelas dengan menggunakan tema pergerakan badan, tumpuan mata, penglibatan dan mimik muka, manakala PLL kurang menggunakan dan menguasainya ketika belajar BM di dalam kelas. Kesimpulannya, PLP lebih banyak menguasai SPB berbanding dengan PLL ketika menulis di dalam kelas.

## Perbandingan Pemerhatian antara Pelajar Lelaki dengan Pelajar Perempuan

Perbincangan dalam tajuk ini dibuat dalam empat bahagian, iaitu pemerhatian antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dari segi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Pelajar lelaki ialah gabungan antara PLL dengan PLL, manakala pelajar perempuan ialah gabungan antara PCP dengan PLP. Di akhir perbincangan, satu rumusan dibuat.

## Perbandingan Pemerhatian antara Pelajar Lelaki dengan Pelajar Perempuan dalam Kemahiran Mendengar

Berdasarkan Lampiran IX, terdapat perbezaan dari segi penggunaan SPB antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dari segi kemahiran mendengar ketika belajar BM. Daripada lapan butiran pemerhatian dalam kemahiran mendengar, secara perbandingan pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB dalam kemahiran mendengar ketika belajar BM semasa di dalam kelas. Hal ini berdasarkan reaksi dan tingkah laku pelajar perempuan yang lebih banyak berbanding dengan pelajar lelaki ketika mendengar. Bagi memudahkan perbincangan, kesemua butiran pemerhatian dalam

kemahiran tersebut dibincangkan mengikut tema SPB yang dicadangkan, iaitu mengikut kedudukan badan, tumpuan mata, pergerakan badan, mimik muka dan pergerakan mulut ketika mendengar. Huraian setiap SPB berdasarkan kemahiran mendengar dapat dijelaskan seperti yang berikut:

- Pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema kedudukan badan bagi meningkatkan kemahiran mendengar berbanding dengan pelajar lelaki ketika belajar BM di dalam kelas.
- Pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema tumpuan mata bagi meningkatkan kemahiran mendengar berbanding dengan pelajar lelaki ketika belajar BM di dalam kelas.
- Pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema pergerakan badan bagi meningkatkan kemahiran mendengar berbanding dengan pelajar lelaki ketika belajar BM di dalam kelas.
- Pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema tumpuan bagi meningkatkan kemahiran mendengar berbanding dengan pelajar lelaki ketika belajar BM di dalam kelas.
- Pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema pergerakan mulut bagi meningkatkan kemahiran mendengar berbanding dengan pelajar lelaki ketika belajar BM di dalam kelas.

Berdasarkan perbincangan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam kemahiran mendengar dapat dirumuskan bahawa terdapat perbezaan dari segi penggunaan SPB antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam kemahiran ini semasa belajar BM ketika di dalam kelas. Keseluruhannya, pelajar perempuan menggunakan 195 kali kekerapan dalam usaha meningkatkan kemahiran mendengar, berbanding dengan 167 kali sahaja oleh pelajar lelaki. Sebagai rumusan, perbandingan SPB antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dapat ditunjukkan seperti yang berikut:

- Secara keseluruhan pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan pelajar lelaki ketika belajar BM dalam kemahiran mendengar.
- Pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema kedudukan badan, tumpuan mata, pergerakan badan, mimik muka dan pergerakan mulut.

## Perbandingan Pemerhatian antara Pelajar Lelaki dengan Pelajar Perempuan dalam Kemahiran Bertutur

Berdasarkan Lampiran X, terdapat perbezaan penggunaan SPB antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dari segi kemahiran bertutur ketika belajar BM. Daripada 14 butiran pemerhatian dalam kemahiran bertutur, secara perbandingan pelajar lelaki lebih banyak menggunakan SPB dalam kemahiran bertutur ketika belajar BM semasa di dalam kelas. Hal ini berdasarkan reaksi dan tingkah laku pelajar lelaki yang lebih banyak berbanding dengan pelajar perempuan ketika bertutur. Bagi memudahkan perbincangan, kesemua butiran pemerhatian dalam kemahiran bertutur tersebut dibincangkan mengikut tema SPB yang dicadangkan, iaitu mengikut intonasi suara, pergerakan badan, mimik muka, bahan bantu bertutur, tindak balas segera dan tumpuan mata ketika bertutur. Huraian semua SPB berdasarkan kemahiran bertutur dapat dijelaskan seperti yang berikut:

- Pelajar lelaki lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema intonasi suara bagi meningkatkan kemahiran bertutur berbanding dengan pelajar perempuan ketika belajar BM di dalam kelas.
- Pelajar lelaki lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema pergerakan badan bagi meningkatkan kemahiran bertutur berbanding dengan pelajar perempuan ketika belajar BM di dalam kelas.
- Pelajar lelaki lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema mimik muka bagi meningkatkan kemahiran bertutur berbanding dengan pelajar perempuan ketika belajar BM di dalam kelas.
- Pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema bahan bantu bertutur bagi meningkatkan kemahiran bertutur berbanding dengan pelajar lelaki ketika belajar BM di dalam kelas.
- Pelajar lelaki lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema tindak balas segera bagi meningkatkan kemahiran bertutur berbanding dengan pelajar perempuan ketika belajar BM di dalam kelas.
- Pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema tumpuan mata bagi meningkatkan kemahiran bertutur berbanding dengan pelajar lelaki ketika belajar BM di dalam kelas.

Berdasarkan perbincangan antara pelajar lelaki dengan pelajar perem-

puan dalam kemahiran bertutur, dapat dirumuskan bahawa terdapat perbezaan dalam penggunaan SPB antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam kemahiran bertutur semasa belajar BM di dalam kelas. Keseluruhannya, pelajar lelaki menggunakan kekerapan sebanyak 257 kali berbanding dengan 223 kali oleh pelajar perempuan dalam meningkatkan kemahiran bertutur. Sebagai rumusan, perbandingan SPB antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dapat ditunjukkan seperti yang berikut:

- Secara keseluruhan, pelajar lelaki lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan pelajar perempuan ketika belajar BM dalam meningkatkan kemahiran bertutur.
- Pelajar lelaki lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema intonasi suara, pergerakan badan, mimik muka dan reaksi spontan bagi meningkatkan kemahiran bertutur.
- Pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema bahan bantu bertutur dan tumpuan mata bagi meningkatkan kemahiran bertutur.

**Perbandingan Pemerhatian antara Pelajar Lelaki dengan Pelajar Perempuan dalam Kemahiran Membaca**

Berdasarkan Lampiran XI, terdapat perbezaan dalam penggunaan SPB antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dari segi kemahiran membaca ketika belajar BM. Daripada 11 butiran pemerhatian dalam kemahiran membaca secara perbandingan pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB dalam kemahiran membaca ketika belajar BM di dalam kelas. Dapatan ini berdasarkan reaksi dan tingkah laku pelajar perempuan yang lebih banyak berbanding dengan pelajar lelaki ketika membaca. Bagi memudahkan perbincangan, kesemua butiran pemerhatian dalam kemahiran tersebut dibincangkan mengikut tema SPB yang dicadangkan, iaitu mengikut keyakinan nada vokal, intonasi suara, mimik muka, variasi bahasa, tumpuan mata, pergerakan badan dan kedudukan badan ketika membaca. Huraian semua SPB berdasarkan kemahiran membaca dapat dijelaskan seperti yang berikut:

- Pelajar lelaki lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema keyakinan nada vokal bagi meningkatkan kemahiran membaca berbanding dengan pelajar perempuan ketika belajar BM di dalam kelas.

- Pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema intonasi suara bagi meningkatkan kemahiran membaca berbanding dengan pelajar lelaki ketika belajar BM di dalam kelas.
- Pelajar lelaki dan perempuan sama-sama banyak menggunakan SPB berdasarkan tema mimik muka bagi meningkatkan kemahiran membaca ketika belajar BM di dalam kelas.
- Pelajar lelaki lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema variasi bahasa bagi meningkatkan kemahiran membaca berbanding dengan pelajar perempuan ketika belajar BM di dalam kelas.
- Pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema tumpuan mata bagi meningkatkan kemahiran membaca berbanding dengan pelajar lelaki ketika belajar BM di dalam kelas.
- Pelajar lelaki lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema pergerakan badan bagi meningkatkan kemahiran membaca berbanding dengan pelajar perempuan ketika belajar BM di dalam kelas.
- Pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema kedudukan badan bagi meningkatkan kemahiran membaca berbanding dengan pelajar lelaki ketika belajar BM di dalam kelas.

Berdasarkan perbincangan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam kemahiran membaca, dapat dirumuskan bahawa terdapat perbezaan penggunaan dan penguasaan SPB antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam kemahiran ini semasa belajar BM di dalam kelas. Keseluruhannya, pelajar perempuan menggunakan kekerapan sebanyak 133 kali kekerapan dalam meningkatkan kemahiran membaca, berbanding dengan 123 kali sahaja oleh pelajar lelaki. Sebagai rumusan, perbandingan SPB antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dapat ditunjukkan seperti yang berikut:

- Secara keseluruhan, pelajar lelaki dan pelajar perempuan sama-sama banyak menggunakan SPB ketika belajar BM dalam meningkatkan kemahiran membaca.
- Pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema intonasi suara, mimik muka, variasi bahasa, tumpuan mata dan kedudukan badan dalam meningkatkan kemahiran membaca.
- Pelajar lelaki lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema keyakinan nada vokal dan mimik muka dalam meningkatkan kemahiran membaca.

## Perbandingan Pemerhatian antara Pelajar Lelaki dengan Pelajar Perempuan dalam Kemahiran Menulis

Berdasarkan Lampiran XII, terdapat perbezaan dalam penggunaan SPB antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dari segi kemahiran menulis ketika belajar BM. Daripada 12 butiran pemerhatian dalam kemahiran menulis, secara perbandingan pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB dalam kemahiran ini ketika belajar BM di dalam kelas. Hal ini berdasarkan reaksi dan tingkah laku pelajar perempuan yang lebih banyak berbanding dengan pelajar lelaki ketika menulis. Bagi memudahkan perbincangan, kesemua butiran pemerhatian dalam kemahiran menulis dibincangkan mengikut tema SPB yang dicadangkan, iaitu pergerakan badan, tumpuan mata, mimik muka dan penglibatan. Huraian setiap SPB berdasarkan kemahiran menulis dapat dijelaskan seperti yang berikut:

- Pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema pergerakan badan bagi meningkatkan kemahiran menulis berbanding dengan pelajar lelaki ketika belajar BM di dalam kelas.
- Pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema tumpuan mata bagi meningkatkan kemahiran menulis berbanding dengan pelajar lelaki ketika belajar BM di dalam kelas.
- Pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema penglibatan bagi meningkatkan kemahiran menulis berbanding dengan pelajar lelaki ketika belajar BM di dalam kelas.
- Pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema mimik muka bagi meningkatkan kemahiran menulis berbanding dengan pelajar lelaki ketika belajar BM di dalam kelas.

Berdasarkan perbincangan antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam kemahiran menulis, dapat dirumuskan bahawa terdapat perbezaan dalam penggunaan dan penguasaan SPB antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dalam kemahiran itu semasa belajar BM di dalam kelas. Keseluruhannya, pelajar perempuan menggunakan 188 kali kekerapan dalam usaha meningkatkan kemahiran menulis, berbanding dengan 149 kali sahaja oleh pelajar lelaki. Sebagai rumusan, perbandingan SPB antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan dapat ditunjukkan seperti yang berikut:

- Pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan pelajar lelaki ketika belajar BM di dalam kelas.

- Pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB berdasarkan tema pergerakan badan, tumpuan mata, penglibatan dan mimik muka dalam usaha meningkatkan kemahiran menulis.

## PERBINCANGAN DATA PEMERHATIAN

Perbincangan data pemerhatian dibuat dalam tiga bahagian, iaitu antara antara pelajar cemerlang dengan pelajar lemah, antara jantina peserta kajian (PCL dengan PCP; antara PLL dengan PLP) dan antara kemahiran bahasa peserta kajian.

### Perbincangan SPB antara Pelajar Cemerlang dengan Pelajar Lemah

Berdasarkan pemerhatian terhadap pelajar cemerlang dan pelajar lemah, secara keseluruhan terdapat perbezaan dalam penggunaan SPB yang digunakan oleh pelajar cemerlang dan pelajar lemah dalam kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Dapatan kajian menunjukkan pelajar cemerlang (PCL dan PCP) menggunakan pelbagai SPB berbanding dengan pelajar lemah (PLL dan PLP) ketika belajar BM di dalam kelas bagi keempat-empat kemahiran bahasa tersebut. Reaksi dan tingkah laku pelajar cemerlang lebih banyak dalam keempat-empat kemahiran bahasa yang diperhatikan berbanding dengan pelajar lemah.

Perbezaan dari segi penggunaan SPB antara pelajar cemerlang dengan pelajar lemah ini menyamai beberapa kajian SPB yang dilaporkan dalam pendidikan BM dan BI. Sebagai contoh, Abu Talib (1998) yang membuat kajian SPB antara pelajar cemerlang dengan pelajar lemah ketika belajar BM di dalam kelas melaporkan bahawa pelajar cemerlang banyak menggunakan SPB yang berkaitan dengan strategi kognitif dan metakognitif. Dapatan kajian Abu Talib ini disokong kajian terkini tentang SPB dalam pendidikan BM seperti Mohd. Nazali (1999), Norzizah (1999), Rahani (1999), Yong Zaharah (1999) dan Zuriyati (1999). Kesemua yang membuat kajian SPB dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 ketika belajar BM di dalam kelas, di luar kelas, dan peperiksaan melaporkan bahawa pelajar cemerlang sama ada lelaki mahupun perempuan lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan pelajar lelaki yang lemah ataupun pelajar perempuan yang lemah.

Selain itu, kajian berkaitan yang menggunakan instrumen pemerhatian yang mengkaji SPB sama ada dalam BM ataupun BI juga melaporkan dapatan yang sama. Sebagai contoh, Zamri, Mohamed Amin, Noriah dan Juriah (2002, 2003) dalam BM melaporkan bahawa pelajar cemerlang

khususnya perempuan menggunakan banyak SPB dalam kemahiran mendengar, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Sebaliknya, PCL hanya menggunakan dan menguasai SPB dalam kemahiran bertutur sahaja. Mohamed Amin (1996) dan Faizahani (2002) yang menjalankan kajian SPB dalam BI menggunakan instrumen pemerhatian melaporkan bahawa pelajar yang cemerlang dalam penguasaan BI lebih banyak menggunakan dan menguasai pelbagai SPB berbanding dengan pelajar yang lemah tahap penguasaan BI ketika di dalam kelas di luar kelas, dan peperiksaan. Dapatan kajian mereka juga melaporkan bahawa pelajar yang cemerlang dalam BI banyak menggunakan SPB yang berkaitan dengan strategi kognitif dan metakognitif.

Kesimpulannya, perbandingan SPB antara pelajar cemerlang dengan pelajar lemah menunjukkan perbezaan yang ketara antara kedua-dua kumpulan kajian. Pelajar cemerlang lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan pelajar lemah. Kajian ini menyamai beberapa kajian luar negara seperti kajian oleh Oxford (1990), Green dan Oxford (1995), Chamot, Beard El-Dinary dan Robbins (1993), Murat (2000), Abddalah Hussein (2002) dan lain-lain.

### Perbincangan SPB dalam Kalangan Jantina Peserta Kajian

Dari segi jantina peserta kajian, secara keseluruhan terdapat perbezaan dalam penggunaan SPB yang digunakan oleh peserta kajian sama ada dalam kalangan peserta lelaki ataupun peserta perempuan dalam kedua-dua kategori pelajar.

Dalam kalangan jantina pelajar cemerlang, pemerhatian yang dijalankan menunjukkan bahawa pelajar perempuan jauh lebih banyak dalam penggunaan SPB mereka berbanding dengan pelajar lelaki. PCP didapati banyak menggunakan SPB dalam kemahiran mendengar, kemahiran membaca dan kemahiran menulis berbanding dengan PCL yang banyak menggunakan SPB dalam kemahiran bertutur. Dapatan kajian ini menyamai beberapa kajian seperti yang dijalankan oleh Erhman dan Oxford (1989), Jarjri *et al.*, (1989), Yang (1995), Kang (1997), Muhammad, Noriah dan Abdul Razak (1999), Hamidah, Melor dan Norzaini (2002), Sebagai contoh, Erhman dan Oxford melaporkan bahawa dari segi jantina, PCP lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PCL. Dari segi kemahiran, Hamidah *et al.*, yang menjalankan kajian tentang kecekapan berbahasa dalam kalangan pelajar universiti tempatan melaporkan bahawa pelajar perempuan menggunakan pelbagai SPB dalam menguasai BI berbanding dengan pelajar

lelaki. Kebanyakan pelajar perempuan menggunakan SPB dalam usaha meningkatkan kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Begitu juga kajian yang dijalankan oleh Yang dan Kang. Kedua-dua mereka melaporkan bahawa di Korea, pelajar perempuan menggunakan pelbagai SPB berbanding dengan pelajar lelaki.

Pemerhatian yang dijalankan menunjukkan PLP lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PLL. Walaupun dalam kajian mengenai SPB dalam BM ataupun BI terdapat kajian yang berkaitan dengan kemahiran bahasa, tetapi kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada pelajar yang cemerlang sahaja. Selain itu, kajian yang dijalankan lebih kepada membuat perbandingan SPB antara pelajar cemerlang dengan pelajar lemah ketika belajar BM atau BI di dalam kelas, di luar kelas, ataupun peperiksaan. Sebaliknya, kajian yang mengkaji SPB antara pelajar lemah ketika belajar BM berdasarkan aspek kemahiran bahasa belum pernah dijalankan. Justeru, dapatan kajian ini menyumbang kepada penemuan baru dalam kajian yang berkaitan dengan SPB dalam mata pelajaran BM.

Kesimpulannya, PCP dan PLP lebih banyak menggunakan SPB berbanding dengan PCL dan PLL ketika belajar BM di dalam kelas. PCP dan PCP juga didapati menguasai SPB dalam kemahiran bahasa yang sama, iaitu dalam kemahiran mendengar, membaca, dan menulis, manakala PCL dan PLL menguasai SPB dalam kemahiran bertutur.

**Perbincangan SPB dalam Kalangan Peserta Kajian berdasarkan aspek Kemahiran Bahasa**

Secara keseluruhan terdapat perbezaan penggunaan SPB dalam kalangan peserta kajian. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, pelajar perempuan menguasai SPB dalam kemahiran mendengar dan menulis dalam kedua-dua kategori pelajar perempuan (PCP dan PLP). Pelajar lelaki pula banyak menggunakan SPB dalam kemahiran bertutur bagi kedua-dua kategori pelajar lelaki (PCL dan PLL), manakala bagi kemahiran membaca, pelajar lelaki dan perempuan bagi kedua-dua kategori peserta kajian sama-sama menggunakan dan menguasainya.

Sebagai contoh, bagi kemahiran mendengar, pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB ketika mendengar di dalam kelas. Pelajar perempuan banyak mendengar ketika belajar BM seperti mendengar dengan kedudukan badan yang tetap memandang ke arah guru, memberi tumpuan ketika mendengar, kurang ketawa ketika mendengar, duduk diam ketika mendengar dan sebagainya berbanding dengan pelajar lelaki. Pelajar lelaki

pula kurang memberi tumpuan, tidak duduk diam, banyak ketawa dan sebagainya.

Dalam kemahiran bertutur, pelajar lelaki pula didapati lebih banyak menggunakan SPB ketika bertutur atau mendengar guru atau rakan sekelas bertutur. Pelajar lelaki didapati lebih berani memberi pendapat, bertutur dengan jelas, tidak membuang masa ketika diminta bertutur, menyoal guru atau rakan sekelas, bertutur dengan menggunakan ayat yang lengkap dan sebagainya. Pelajar perempuan pula lebih banyak bertutur dengan berpandukan buku atau nota latihan, memberi tumpuan ketika rakan atau guru bertutur dan sebagainya.

Bagi kemahiran membaca, pelajar perempuan dan pelajar lelaki sama-sama banyak menggunakan SPB ketika membaca di dalam kelas. Pelajar perempuan menggunakan SPB dalam kemahiran membaca seperti membaca dengan nada dan intonasi yang menarik, membaca dengan menyebut satu per satu, kurang ketawa ketika membaca, tidak mencampuradukkan bahasa harian ketika membaca, memberi tumpuan ketika rakan atau guru membaca dan duduk diam ketika membaca. Bagi pelajar lelaki pula, mereka banyak menggunakan SPB dalam kemahiran membaca seperti membaca dengan kuat, membaca dengan intonasi yang biasa sahaja, membaca dengan raut wajah yang menunjukkan pemahaman tentang sesuatu yang dibaca, mencampuradukkan bahasa harian ketika membaca, dan mengangkat tangan agar dipilih untuk membaca.

Untuk menulis pula, pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB dalam menguasai kemahiran menulis ketika belajar BM di dalam kelas berbanding dengan pelajar lelaki. Pelajar perempuan banyak menggunakan SPB seperti menulis dengan kedudukan badan yang tetap, memberi tumpuan kepada sesuatu yang ditulis, memberi tumpuan terhadap sesuatu yang ditulis di papan hitam, banyak memegang nota ketika menulis, banyak mengambil bahagian dalam aktiviti menulis di papan hitam, banyak menulis isi perbincangan di papan hitam ke dalam buku latihan, memahami apa yang ditulis berdasarkan raut wajahnya yang menunjukkan pemahaman, menyiap dan menghantar hasil latihan yang dibuat kepada guru pada masa yang ditetapkan serta kurang ketawa ketika menulis. Hal ini berbeza dengan pelajar lelaki yang hanya menggunakan SPB seperti mengangkat tangan agar guru memilihnya untuk menulis di papan hitam sahaja.

Berdasarkan keempat-empat kemahiran bahasa tersebut, jelas bahawa pelajar perempuan lebih banyak menggunakan SPB dalam kemahiran mendengar dan kemahiran menulis. Pelajar lelaki banyak menggunakan SPB dalam kemahiran bertutur, manakala bagi kemahiran membaca, pelajar

lelaki dan pelajar perempuan sama-sama banyak menggunakannya. Dapatan kajian yang berkaitan dengan SPB adalah yang berdasarkan kemahiran seperti kajian yang dilaporkan Kang (1997) dan yang (1995). Kedua-dua kajian ini melaporkan bahawa pelajar perempuan lebih banyak menggunakan strategi kognitif dan metakognitif dalam menguasai semua kemahiran bahasa berbanding dengan pelajar lelaki.

## KESIMPULAN

Hasil analisis data yang dijalankan melalui instrumen pemerhatian, dapat dirumuskan bahawa secara keseluruhan terdapat perbezaan penggunaan SPB dalam kalangan peserta kajian. Perbezaan penggunaan SPB antara peserta kajian dapat dirumuskan seperti yang berikut:

- Pelajar cemerlang menggunakan pelbagai kategori SPB berbanding dengan pelajar lemah ketika belajar BM dalam semua kemahiran bahasa ketika di dalam kelas.
- PCP menggunakan pelbagai kategori SPB berbanding dengan PCL ketika belajar BM dalam semua kemahiran bahasa ketika di dalam kelas.
- PLP menggunakan pelbagai kategori SPB berbanding dengan PLL ketika belajar BM dalam semua kemahiran bahasa ketika di dalam kelas.
- Pelajar perempuan menggunakan pelbagai kategori SPB berbanding dengan pelajar lelaki dalam semua kemahiran ketika di dalam kelas.

PCL- Pelajar Lelaki yang Cemerlang
PCP- Pelajar Perempuan yang Cemerlang
PLL- Pelajar Lelaki yang Lemah
PLP – Pelajar Perempuan yang Lemah

## Lampiran I Keseluruhan Pemerhatian Kemahiran Mendengar dalam Kalangan Pelajar Cemerlang.

| Bil. | Butiran pemerhatian dalam kemahiran mendengar | PCL-1 | | | | | PCL-2 | | | | | PCP-1 | | | | | PCP-2 | | | | | Jumlah | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Kekerapan | | | | % | Kekerapan | | | | % | Kekerapan | | | | % | Kekerapan | | | | % | Kekerapan | | | | % |
| | | | 1 | 2 | 3 | | | 1 | 2 | 3 | | | 1 | 2 | 3 | | | 1 | 2 | 3 | | | 1 | 2 | 3 | |
| 1. | Pelajar mendengar kata guru/ rakan sekelas dengan kedudukan badan yang tetap memandang kelas/guru | 8 | 3 | 2 | 3 | 17.2 | 10 | 3 | 4 | 3 | 21.7 | 13 | 5 | 5 | 3 | 21.3 | 11 | 4 | 4 | 3 | 18.3 | 42 | 1 | 15 | 12 | 19.7 |
| 2. | Pelajar mendengar kata guru/ rakan sekelas dengan matanya tetap menumpukan perhatian | 9 | 3 | 3 | 3 | 19.1 | 10 | 4 | 4 | 2 | 21.7 | 15 | 5 | 5 | 5 | 21.3 | 12 | 5 | 4 | 3 | 20.0 | 44 | 18 | 16 | 11 | 20.7 |
